

## **Gaya Hidup Remaja Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Peteri Resort, Pasir Gudang, Johor.**

Faizah Abd Ghani & Thilagawathy Loganathan  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pola kecenderungan gaya hidup remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti kecenderungan gaya hidup remaja, faktor yang mempengaruhi pola gaya hidup remaja dan hubungan di antara pola kecenderungan dengan faktor yang mempengaruhi gaya hidup remaja. Seramai 140 pelajar daripada 220 pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang, Johor Bahru dipilih secara rawak mudah sebagai responden kajian. Soal selidik pola kecenderungan remaja yang dibina oleh penyelidik digunakan dalam kajian ini. Soal selidik ini mempunyai nilai *cronbach alpha* 0.785. Selain itu, soal selidik faktor yang dibina oleh Mustafa Kamal yang mempunyai kebolehpercayaan *cronbach alpha* 0.8 digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort lebih cenderung kepada agama, diikuti dengan akademik dan hiburan manakala tidak cenderung kepada seksual. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi gaya hidup remaja adalah faktor keluarga diikuti oleh rakan sebaya dan media massa. Analisis infrensi kolerasi Pearson 'r' digunakan untuk melihat hubungan antara kecenderungan pola gaya hidup remaja dengan faktor yang mempengaruhinya. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dalam keadaan positif antara faktor keluarga dengan kecenderungan akademik dan agama manakala hubungan yang signifikan dalam keadaan negatif terhadap faktor keluarga dengan kecenderungan seksual. Dari segi faktor rakan sebaya pula, terdapat hubungan yang signifikan dalam keadaan positif terhadap kecenderungan seksual dan hiburan, manakala hubungan yang signifikan dalam keadaan negatif terhadap kecenderungan akademik dan agama. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor media massa dengan kecenderungan hiburan.

*Katakunci :* gaya hidup remaja

### **Pengenalan**

Alam remaja adalah zaman perkembangan seseorang individu daripada alam kanak-kanak memasuki ke alam dewasa dan seterusnya tua. Zaman remaja sering dianggap sebagai masa yang paling mencabar dalam proses kehidupan ini. Remaja adalah masa peralihan dari kanak-kanak ke dewasa. Para ahli pendidikan berpendapat bahawa remaja adalah mereka yang berusia antara 13 tahun hingga 18 tahun. Seorang remaja sudah tidak lagi dapat dikatakan sebagai kanak-kanak, namun masih belum cukup matang untuk dapat dikatakan dewasa. (Y.M. Uttamo Thera –Dhammadesana Buddhist Online).

Ada banyak pengertian yang dapat diuraikan apabila perkataan remaja dibincangkan. Menurut G.Stanley Heal (1924) remaja adalah peringkat di mana seseorang itu mengalami konflik dan tekanan. Remaja sering kecewa dan emosi mereka tidak stabil. Hal ini kerana remaja mengalami faktor biologi dan psikologi yang berubah. Pandangan ini dikukuhkan dengan pendapat Havighurst (1972) yang mengatakan remaja akan mengalami beberapa tugas

perkembangan yang melibatkan kebolehan, pengetahuan, fungsi dan sikap yang mempengaruhi remaja tersebut.

Remaja sama ada lelaki ataupun perempuan semuanya merupakan aset negara. Mereka sama penting sebagai sumber tenaga manusia yang akan merencana dan menggerakkan pembangunan Negara. Bezanya hanyalah dari segi keperluan dan keupayaan fizikal masing-masing. Remaja hari ini bakal mewarnai pentas pembangunan Negara dan penentu kepada jatuh bangunnya generasi akan datang. Remaja hari ini adalah insan-insan yang bertanggungjawab untuk mengisi keperluan Negara di masa hadapan.

Walaupun bagaimanapun, remaja pada masa kini sedang tenggelam dalam arus keruntuhan akhlak dan moral lantaran tidak memiliki daya tahan spiritual yang kuat. Menurut Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 76403 kes jenayah yang dilaporkan pada tahun 2005 di seluruh Malaysia iaitu kes yang melibatkan golongan remaja. Penglibatan remaja dalam gejala sosial boleh memberi implikasi negatif kepada pembangunan masyarakat yang merupakan kes-kes seperti jenayah, penyalahgunaan dadah, merokok, lumba haram boleh membantut pembinaan modal insan jika tidak dibendung.

### **Pernyataan Masalah**

Keterlibatan remaja dalam salah laku jenayah semakin membimbangkan di Malaysia. Kajian-kajian yang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), 2005 menunjukkan sebanyak 76403 kes jenayah dilaporkan pada tahun 2005 yang melibatkan gejala sosial di kalangan 11.10 juta jumlah remaja. Isu ini merupakan satu tamparan hebat dalam membina satu lapisan remaja yang maju. Data-data dan kes-kes penglibatan remaja di dalam jenayah turut merupakan satu fenomena yang member implikasi negative terhadap gaya hidup remaja.

Gaya hidup remaja yang cenderung ke arah jenayah boleh merencatkan pembangunan modal insan. Statistik PDRM menunjukkan kecenderungan remaja ke arah jenayah semakin kritikal dan jika tidak dibendung, boleh menjejaskan pembentukan modal insan. Kerana remaja adalah pewaris Negara dan masa depan Negara adalah bergantung kepada golongan remaja masa kini.

Oleh sebab remaja merupakan asset dan tulang belakang negara, maka, kajian ini sangat penting dilakukan untuk mengenalpasti gaya hidup remaja.

### **Objektif kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti gaya hidup remaja. beberapa kemusykilan yang berlaku terhadap gaya hidup remaja seperti:

1. Menenalpasti pola kecenderungan gaya hidup remaja secara keseluruhan
2. Menenalpasti faktor yang mempengaruhi gaya hidup remaja
3. Menenalpasti hubungan pola hidup remaja dengan faktor yang mempengaruhinya

### **Kepentingan Kajian**

Melalui kajian yang dilakukan ini, pihak-pihak yang berkaitan akan memperolehi faedahnya. Antara pihak yang terlibat adalah seperti;

**Pihak Ibu Bapa :** Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberi informasi tentang gaya hidup remaja, sebagai satu langkah dan ibu bapa dalam membentuk dan menunjukkan gaya hidup yang sesuai pada remaja. Para ibu bapa dapat memahami masalah dan keperluan anak mereka. Ini akan membantu mereka memenuhi kehendak anak mereka dan dapat membendung penglibatan

remaja terhadap gejala-gejala yang negatif. Untuk menangani masalah yang berbangkit di kalangan remaja, ibu bapa boleh memantau gerak geri anak mereka.

**Pihak Sekolah :** Menerusi kajian ini, adalah diharapkan pihak sekolah dapat mengenalpasti gaya kecenderungan pelajar dan merancang pelajaran yang bersesuaian.

**Jabatan Pendidikan Negeri :** Kajian ini diharapkan dapat memberi sumber rujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri dalam mewujudkan program-program yang bersesuaian. Selain itu, Jabatan Pendidikan Negeri dapat mengawal dan membendung pembabitan pelajar dalam sebarang kegiatan berbentuk negatif dengan membuat pendekatan-pendekatan untuk melahirkan suasana kondusif bagi proses pengajaran dan pembelajaran terhadap mereka.

**Kementerian Pendidikan Malaysia :** Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi sumber rujukan dan bantuan dalam mengenalpasti pola gaya hidup pelajar. Menerusi kajian ini, diharapkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, boleh menghasilkan modul yang sesuai. Kementerian Pendidikan dapat memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan.

**Institusi Pendidikan Tinggi :** Kajian ini juga dapat membantu pihak IPT sebagai satu platform rujukan ilmu. Boleh dijadikan sebagai kerangka bagi kajian-kajian yang akan datang.

### **Rekabentuk Kajian**

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah korelasi dengan menggunakan borang soal selidik. Dalam kajian ini, kaedah korelasi digunakan untuk meninjau beberapa aspek seperti agama, seksual, akademik dan hiburan. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar Tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort. Borang soal selidik digunakan untuk menjalankan kaedah kajian ini. Soal selidik digunakan kerana ia memudahkan pihak responden untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Menurut (Burns, 2000 dalam Suzarina 2008), penggunaan soal selidik dalam kajian adalah disebabkan soal selidik merupakan kaedah mengumpul data yang paling tepat kerana sampel lebih rela memberikan maklum balas yang benar di samping mengurangkan kesilapan yang disebabkan oleh catatan pengkaji yang salah.

Penyelidikan korelasi melibatkan pengumpulan data bagi menentukan perkaitan antara dua ataupun lebih pemboleh ubah yang saintifik. Perkaitan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah ini ditentukan sebagai pekali korelasi. Penyelidikan tentang korelasi ini kadangkala dijadikan sebagai penyelidikan yang deskriptif kerana ia menggambarkan situasi yang sedia wujud.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada 220 pelajar-pelajar Tingkatan empat dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort. Seramai 140 responden yang digunakan dalam kajian ini. Jadual Krejcie, R.V and Morgan D.W. digunakan bagi mendapatkan responden. Menurut Schofield dalam tulisan beliau iaitu *Survey Sampling (Data Collection and Analysis: 2007)*, persampelan secara rawak mudah bermaksud setiap elemen dalam golongan populasi mempunyai peluang yang sama rata dan pengkaji bebas untuk memilih sampel kajian daripada golongan populasi.

Schofield juga mengulas lagi tentang perkataan bebas bermaksud pemilihan mana-mana satu elemen tidak mempengaruhi pemilihan elemen seterusnya dan perkataan mudah bukannya bermaksud senang untuk menggunakan persampelan rawak berbanding kaedah persampelan

yang lain tentang langkah yang diambil supaya pemilihan sampel tidak dipengaruhi oleh mana-mana faktor selain peluang.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah soal selidik. Menurut Mohd Najib (2001), soal selidik digunakan bagi mendapatkan pandangan atau persepsi tentang sesuatu perkara. Menurut Mohd. Najib (1998), kaedah soal selidik merupakan kaedah yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada subjek selain membuat pemerhatian tingkahlaku mereka. Soal selidik digunakan dalam kajian ini kerana ia lebih sistematik dari segi perancangan susunan item yang hendak disoal. Ia juga memudahkan proses penganalisaan data yang diperolehi.

Terdapat tiga bahagian di dalam soal selidik yang disediakan oleh penyelidik. Iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis adalah kajian awal yang dijalankan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis amat diperlukan untuk memenuhi beberapa tujuan tertentu. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan soalan-soalan soal selidik. Ia juga dapat mengkaji kefahaman responden terhadap item-item di dalam soal selidik yang mana ini merupakan salah satu tujuan penting dalam menjalankan kajian rintis. Ia juga dapat mengkaji kesesuaian soal selidik terhadap kumpulan sampel yang akan dikaji nanti.

Kajian ini dijalankan ke atas 76 orang di Sekolah Menengah Mutiara Rini 2. Hasil analisis untuk bahagian B soal selidik menunjukkan nilai kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* 0.785 manakala bagi bahagian C soal selidik yang diambil daripada Mustafa Kamal (2002), menunjukkan nilai kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* 0.842. Menurut Mohd Majid Konting (1990), biasanya indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.6 boleh dianggap mencukupi untuk kajian seterusnya dijalankan.

Jadual 1 : Dapatan kajian rintis

Bil	Konstruk	No. Item	Kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i>
1	Akademik	1, 6, 9, 14, 20	0.731
2	Seksual	2, 7, 10, 15, 16	0.795
3	Hiburan	3, 8, 11, 12, 17	0.663
4	Agama	4, 5, 13, 18, 19	0.816
KESELURUHAN ITEM			0.785

### **Analisis Data**

Bahagian ini membincangkan tentang faktor yang mempengaruhi gaya hidup remaja secara keseluruhan. Terdapat tiga faktor yang dipilih iaitu faktor keluarga, faktor media massa dan juga faktor rakan sebaya. Setiap satu faktor diwakili oleh lapan item kajian. Secara keseluruhannya, bahagian ini mengandungi 24 item.

Cara menjawab item ini dikelaskan kepada lima jawapan iaitu dengan menggunakan skala Likert. Responden hanya perlu membulatkan jawapan yang diberikan seperti sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Selain itu, data ini juga dinilai min yang tertinggi. Nilai min ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu rendah nilai minnya 1.00

hingga 2.33, bagi sederhana pula nilainya 2.34 hingga 3.67 dan akhir sekali bagi nilai 3.68 hingga 5.00.

Hasil analisis ini akan menunjukkan faktor yang mempengaruhi gaya hidup remaja berserta menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu “Apakah faktor yang mempengaruhi gaya hidup remaja?”.

Jadual 2 : Jadual Taburan min keseluruhan setiap faktor

Faktor-Faktor	Min	Tahap
Keluarga	30.62	Tinggi
Media Massa	28.08	Sederhana
Rakan Sebaya	26.3	Sederhana

Jadual 2 menunjukkan taburan min keseluruhan setiap faktor. Faktor keluarga mencapai nilai min yang paling tinggi iaitu 30.62. Seterusnya faktor media massa yang mencatat 28.08. Diikuti oleh faktor rakan sebaya iaitu 26.3. Ini dapat dibuat kesimpulan bahawa keluarga memainkan peranan yang penting terhadap gaya hidup seseorang remaja. Faktor keluarga berada pada tahap yang tinggi. Manakala faktor rakan sebaya dan media massa berada pada tahap sederhana.

## Perbincangan

Terdapat empat perhubungan yang dikaji bagi faktor keluarga. Bagi H1 iaitu, “Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh keluarga terhadap gaya hidup remaja dengan akademik”, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan hiburan dengan faktor keluarga dan hipotesisnya ditolak. Dapatan ini bertekalan dengan kajian yang dilakukan oleh Yaakub Haji Yusof(1997), yang mengatakan ada hubungan masalah keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar.

Hipotesis kedua yang dikaji adalah H2 iaitu berkaitan ”Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keluarga terhadap gaya hidup remaja dengan seksual”, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan seksual dengan faktor keluarga dalam keadaan negatif dan hipotesisnya ditolak. Menurut Radiah Bt Elias Ahmad(2002), peranan ibu bapa dalam mensosialisasikan peringkat remaja adalah sangat penting. Ini disebabkan remaja mengalami krisis akibat peringkat zaman alam kanak-kanak ke alam dewasa. Menurut kajian yang dilakukan oleh Amy Loh Siew Mei (2000) pula, apabila ibu bapa ada mengambil berat tentang keperluan anak, maka anak tidak mudah menghadapi masalah sosial. Atau, apabila kedua-dua orang ibu bapa mengabaikan keperluan anak, maka berkemungkinan besar anak akan menghadapi masalah sosial.

Seterusnya H3 yang berkaitan ”Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh keluarga terhadap gaya hidup remaja dengan hiburan” dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan hiburan dengan faktor keluarga dan hipotesisnya diterima. Menurut Azizi Jaafar (2005), ibu bapa adalah agensi sosialisasi bagi anak. Ini bermakna ibu bapa mempunyai pengaruh yang begitu kuat ke atas pembentukan perlakuan anak. Anak menghabiskan permulaan hidupnya di rumah, jadi ibu bapa ada pengaruh yang kuat terhadap pembentukan tingkah laku anak. Ini menunjukkan peranan ibu bapa memainkan peranan yang paling dominan yang mempengaruhi perlakuan lepak di kalangan pelajar sekolah menengah. Ini selaras dengan Jas Laile(2006) bahawa ibu bapa adalah orang signifikan yang paling berpengaruh terhadap pembentukan tingkah laku anak.

Faktor rakan sebaya juga dikaji darisegi empat perhubungan. Yang pertama H5 yang berkaitan "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya terhadap gaya hidup remaja dengan akademik" dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan akademik dengan faktor rakan sebaya dalam keadaan negatif dan hipotesisnya ditolak. Kajian Yaakub Haji Yusof (1997), yang bertekalan dengan dapatan ini menjelaskan bahawa remaja berkecenderungan menolak piawaian yang ditentukan oleh ibu bapa dan guru kerana mudah terpengaruh oleh rakan sebaya. Mereka suka bercuba-cuba untuk membebaskan diri, berdikari dan membina keyakinan diri. Atas sebab inilah mendorong pelajar ponteng. Ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Kohn (1987 dalam Berndt, Perry, Miller; 1998) membuat kajian ke atas pelajar remaja sekolah menengah di kawasan Bandar dan luar Bandar yang terdiri daripada 500 pelajar. Korelasi digunakan untuk mengkaji hubungan antara rakan sebaya dan pencapaian akademik. Keputusan kajian mendapati tiada hubungan yang signifikan antara rakan sebaya dan pencapaian akademik yang berkumpul untuk membuat perbincangan akademik.

Diikuti oleh H7 yang mengkaji "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya terhadap gaya hidup remaja dengan hiburan" dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan hiburan dengan faktor rakan sebaya dan hipotesisnya ditolak. Dapatan ini bertekalan dengan dapatan Mohd Salleh Lebar(1999), apabila zaman remaja banyak terdedah dengan kegiatan luar dan rakan sebaya adalah orang yang paling boleh mempengaruhi personaliti remaja. Hazil Abdul Hamid(1990), menyatakan remaja yang menyertai satu kumpulan pasti mempunyai satu semangat kekitaan. Mereka lebih bergantung kepada rakan dan segala aktiviti dan lebih masa akan ditumpukan kepada rakan. Kajian Manja Mohd Ludin(1990), mendapati bahawa apabila remaja sudah yakin dengan memilih rakan sebaya yang sama minat, maka hubungan mereka akan menjadi semakin erat dan akan cuba memenuhi kehendak rakan.

## **Rujukan**

- Amran Kasimin(1993). Masalah Sosial dan Hubungannya dengan Didikan agama. Kuala Lumpur. Dinie Publishers.
- Berita Harian.23 Oktober 2001.Pelajar Terdedah Unsur seram,ganas.
- Erikson, E (1968). Identity, Youth & Crisis. New York : Norton
- Fatimah Daud. 1992. Pengenalan Teori-teori Sosiologi. Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Gan Lui Nam(2008). Pembinaan Indeks Perlakuan Melepak dan Faktor-faktor yang mempengaruhinya di kalangan pelajar Sekolah Menengah di Negeri Johor.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006 & Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010
- Khairul Helmi Bin Katip(2008) Persekitaran Kampus dan Hubungannya dengan Pembentukan Personaliti di kalangan pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mahathir Mohammad(1998), Bahaya Teknologi Tanpa Benteng Etika, Berita Harian, Edisi Internet.
- Nor Suhaila Bte. Jusah(2000), Peranan Kafe Siber terhadap Pembentukan Sahsiah Remaja Masa Kini, Satu Tinjauan.
- Sezali Din(1997), Langkah Menangani Gejala Sosial dalam akaddemik, Keluaran Khas
- Sharifah Alwiah Alsagoff.1985.Sosiologi Pendidikan. Petaling Jaya: Longman.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization,2006
- Commonwealth Youth Program, Strategic Plan 2003- 2006
- Dasar Pembangunan Belia Negara, 1997